



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1992

PERSARAAN PILIHAN SENDIRI
PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 1 TAHUN 1991

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda perenggan 3.1 dan 4.3.1 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991](#).

2. Bagi maksud menimbang permohonan persaraan pilihan sendiri, perenggan kecil 3.1(c) [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991](#) adalah dibatalkan dan digantikan seperti berikut:

"(c) surat pengesahan daripada Ketua Jabatan pegawai berkenaan:

- (i) sama ada pegawai berkenaan terlibat atau bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib dan atau tindakan mahkamah; dan
- (ii) sama ada pegawai berkenaan masih terikat dengan, atau bebas dari, apa-apa syarat kontrak biasiswa Kerajaan. Bagi pegawai yang masih mempunyai ikatan kontrak biasiswa Kerajaan, surat pelepasan ikatan kontrak biasiswa Kerajaan dari pihak berkuasa berkenaan hendaklah dikemukakan;".

3. Adalah juga dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya ganjaran dan award wang tunai yang diberi sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul, dibayar sebaik sahaja pegawai mula bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun. Bagi maksud melaksanakan keputusan Kerajaan

itu, perenggan 4.3.1 **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991** adalah dibatalkan dan diganti seperti berikut:

"4.3.1 pembayaran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan kepada mereka yang bersara pilihan sendiri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

4.3.1.1 hanya mereka yang telah diberikan taraf berpencen sahaja adalah layak dibayar faedah-faedah persaraan;

4.3.1.2 ganjaran dan award wang tunai yang diberi sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul akan dibayar sebaik sahaja mereka mula bersara secara pilihan sendiri;

4.3.1.3 bagi mereka yang dilantik sebelum 12 April 1991, pencen akan dibayar apabila mencapai umur---

(a) 45 tahun bagi---

(i) seseorang pegawai perempuan;

(ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat Pegawai Rendah dan ke bawah;

(iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis;

(iv) seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan


(v) seseorang jururawat lelaki di hospital mental;

(b) 50 tahun bagi seseorang pegawai lelaki selain daripada pegawai yang disebutkan dalam sub-perenggan (ii) hingga (v) perenggan (a) di atas;

4.3.1.4 bagi mereka yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991, pencen akan

dibayar hanya apabila mencapai umur 55 tahun".

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah berkuatkuasa mulai daripada 12 April 1991.



HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

14 September 1992

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.